

# Semakan gaji berasas kepada wang — Dr. M

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, semakan gaji bagi kakitangan awam adalah berasaskan kepada berapa banyak wang yang Kerajaan mampu sediakan.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mendapatkan data-data dan mengkaji memorandum dari kesatuan-kesatuan yang menuntut kenaikan gaji.

"Butir-butir itu kemudian akan dibincangkan pula dengan Jawatankuasa Kabinet mengenai Gaji Kakitangan Awam," katanya kepada pemberita di pejabat beliau di sini.

"Saya harap laporan mengenai semakan gaji baru itu akan siap tidak lama lagi dan pelaksanaannya akan diputuskan oleh Kerajaan kelak," tambah beliau.

Semakan gaji yang baru ini dijangka melibatkan kira-kira 750,000 orang pegawai dan kakitangan Kerajaan, termasuk polis dan angkatan tentera.

## Cukai

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah ketika melawat Kelantan Khamis lalu mengemukakan bahawa Jawatankuasa Kabinet mengenai Gaji Kakitangan Awam sedang giat menyemak tangga gaji baru itu.

"Kerajaan berharap dapat menyelesaikannya secepat mungkin," ujar beliau.

Berhubung dengan semakan gaji baru ini, CUEPACS telah menghantar memorandum kepada Kerajaan meminta kenaikan gaji 25 peratus di samping elau rumah dan pelapasan cukai.

Mengenai per-

mohonan syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga minyak, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

"Kita sehingga ini belum lagi memutuskan tentang perkara ini dan masih mengkaji memorandum yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat minyak."

Syarikat-syarikat minyak di negara ini — Shell, Caltex, Mobil, Esso dan British Petroleum (BP) — mengemukakan memorandum bersama baru-baru ini.

Mereka meminta kenaikan antara 50 hingga 60 sen bagi segalen.

Terdahulu dari itu, Datuk Seri Dr. Mahathir dikunjungi oleh satu rombongan Jawatankuasa Senet Perancis mengenai Hal Ehwal Luar Pertahanan dan Angkatan Tentera yang diketuai oleh Senator Claude Mont.

Dalam pertemuan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu mereka tentang dasar pelaburan di Malaysia, Dasar Ekonomi Baru dan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA).

